



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 SUBUH 4.56 SYURUK 6.13 DUHA 6.36 ZUHUR 12.20 ASAR 3.24 MAGHRIB 6.25 ISYAK 7.35 Daerah Belait ditambah 3 minit

TAHUN 69 BILANGAN 107

4 SEPTEMBER 2024 / 1446 صفر 30

MANISNYA IMAN ایمان

"DAN sesiapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar dalam urusannya. Dan dia menguruskannya rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusannya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Talaq, ayat 2 - 3.

JABATAN PENERANGAN

Daerah Tutong ditambah 1 minit

EDISI RABU PERCUMA

5 PENUNTUT TERIMA BIASISWA SULTAN'S SCHOLAR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3 hingga 4)



Berita Utama



YSHHB hulur sumbangan bagi aktiviti takmir masjid

Muka 7



TINGKATKAN pemahaman, kerjasama dalam pengurusan biodiversiti tanah gambut

Muka 11

Berangkat mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik India

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil

Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi, yang akan mengadakan Lawatan Rasmi selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis Sambutan Rasmii dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua negara.

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik India kemudiannya memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

>> Muka 5



MEMANTAPKAN barisan perhubungan awam setiap kementerian

Muka 17

Kukuhkan sistem IP di rantau ASEAN

Oleh : Aimi Sani

GADONG, Isnin, 2 September. - Pejabat Harta Intelek Brunei (The Brunei Intellectual Property Office - BruiPO) menjadi tuan rumah bagi Kumpulan Kerja ASEAN Ke-73 mengenai Kerjasama Harta Intelek (AWGIPC) dari 2 hingga 5 September 2024.

Acara penting ini mengumpulkan wakil-wakil dari Pejabat Harta Intelek Negara-negara Anggota ASEAN dan wakil-wakil

dari Pejabat Harta Intelek rakan dialog untuk membincangkan kemajuan Sistem Harta Intelek (Intellectual Property-IP) dan kerjasama dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN.

AWGIPC berfungsi sebagai platform penting untuk membincangkan isu-isu utama, termasuk pemantapan kajian skop untuk mengenal pasti bidang keutamaan bagi AWGIPC, yang akan dibentangkan oleh wakil-wakil dari Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) dan pakar-pakar yang dilantik.

Selain itu, status pelaksanaan hasil yang masih tinggal di bawah Pelan Tindakan Hak Harta Intelek ASEAN (AIPRAP) 2016-2025 seperti ASEAN IPR HelpDesk dan Projek GRTKCE yang dicadangkan mengenai Undang-undang dan Peraturan-peraturan Perbandingan akan dibincangkan. Pembangunan Pelan Tindakan IPR ASEAN Pasca-2025 juga akan menjadi tumpuan perbincangan.

>> Muka 9



RENCANA

PASTIKAN makanan selamat, elakkan keracunan

Muka 21

BINCANG HALA TUJU STRATEGIK SYARIKAT BSP

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP), Agneta Johnsgaard-Lewis yang telah menamatkan perkhidmatannya

dan Johan Atema, bakal Pengarah Urusan BSP yang baharu.

Pada Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pengurus Lembaga Pengarah-pengarah Syarikat Usahasama Brunei Shell (BSJV) bersama dengan kedua-dua Pengarah Urusan BSP yang telah menamatkan perkhidmatan dan juga yang baharu, membincangkan hala

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP), Agneta Johnsgaard-Lewis yang telah menamatkan perkhidmatannya dan Johan Atema, bakal Pengarah Urusan BSP yang baharu (kiri dan kanan).

tuju strategik Syarikat BSP.

Perbincangan berkenaan mengetengahkan komitmen Syarikat BSP untuk menyumbang kepada pertumbuhan industri minyak dan gas Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menekankan kepentingan untuk mengukuhkan lagi kerjasama

yang telah lama terjalin antara BSJV dan The Asiatic Petroleum Limited (Shell plc).

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan

Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah-pengarah BSJV.

Majlis Mengadap diadakan di Istana Nurul Iman, petang tadi.

WAKTU SEMBAHYANG

September MASIHI	HARI	Safar HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	RABU	30	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.24	6.25	7.35
5	KHAMIS	1 Rabiulawal	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.23	6.25	7.34
6	JUMAAT	2	4.45	4.55	6.13	6.35	12.20	3.22	6.24	7.34
7	SABTU	3	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.21	6.24	7.33
8	AHAD	4	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.20	6.23	7.33
9	ISNIN	5	4.45	4.55	6.12	6.35	12.19	3.19	6.23	7.32
10	SELASA	6	4.45	4.55	6.12	6.35	12.18	3.18	6.22	7.32

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU Bandar Seri Begawan	KHAMIS	JUMAAT
33 25 °C 	34 25 °C 	34 26 °C
Pekan Bangar		
33 25 °C 	34 25 °C 	34 26 °C
Pekan Tutong		
33 25 °C 	34 25 °C 	34 26 °C
Kuala Belait		
33 25 °C 	34 25 °C 	34 26 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 4 SEPTEMBER 2024

Pentingnya persediaan awal hadapi peperiksaan

MUSIM peperiksaan tidak lama lagi, oleh itu pelajar-pelajar ditekankan untuk bersiap sedia untuk menghadapinya dengan melakukan ulang kaji pelajaran di sekolah, rumah atau bersama rakan-rakan. Persediaan awal adalah penting bagi mempersiapkan diri dengan bahan-bahan yang perlu diulang kaji dan sebagainya.

Perlu diingat bahawa persediaan awal menghadapi peperiksaan adalah baik untuk awda mengatasi tekanan dan keimbangan apabila menghadapi peperiksaan. Ia juga memberi peluang kepada awda untuk mendapatkan gred yang baik.

Pelajar sangat disarankan untuk membuat persediaan dengan mengulang kaji lebih awal supaya lebih mudah dan efisien untuk mendapatkan rujukan dan maklumat yang cukup untuk dibawa ke dalam peperiksaan. Hal ini juga membantu dalam mendisiplinkan diri pelajar dengan pengurusan waktu bagi mengelakkan sebarang tekanan menghadapi peperiksaan.

Selain itu, pelajar juga perlu mengambil cakna tentang kesejahteraan fizikal dan mental. Hal ini adalah kerana pengukuhan dari segi rohani dan jasmani memainkan peranan penting dalam keupayaan seseorang untuk menghadapi peperiksaan. Pastikan mendapat tidur yang cukup dan melakukan aktiviti rekreasi untuk mengurangkan tekanan.

Berdoa merupakan amalan yang mendalam dan memberi ketenangan kepada pelajar. Dalam detik-detik tegang menjelang ujian, berdoa menjadi sumber kekuatan spiritual yang dapat memberikan ketenangan dan keyakinan.

Memohon petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar diberikan kebijaksanaan, kefahaman dan ketenangan hati. Dalam berdoa, pelajar menelusuri sepanjang perjalanan pembelajaran mereka, memohon perlindungan, kekuatan dan keberkatan.

Pelajar juga dapat membangun ikatan spiritual yang kuat dan meyakini bahawa usaha serta doa mereka akan memberikan hasil yang terbaik dalam peperiksaan.

Menjaga kesihatan secara holistik adalah kunci keberjayaan dalam menghadapi peperiksaan. Selain daripada menumpukan kepada persediaan akademik, penting juga untuk memberi tumpuan kepada kesihatan fizikal dan mental.

Menyediakan masa untuk bersenam, mengamalkan pemakanan seimbang dan menjaga tidur yang cukup adalah aspek penting dalam memastikan tubuh dan minda berada dalam keadaan optimum.

Dengan menjaga kesihatan secara menyeluruh, pelajar dapat meningkatkan daya tumpuan, daya ingatan dan kecekapan mental, membolehkan pelajar menghadapi peperiksaan dengan keyakinan dan keseimbangan yang diperlukan untuk mencapai prestasi yang cemerlang. - Ketua Penyuntingan (Zk)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیق او له فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

5 penuntut terima Biasiswa Sultan's Scholar

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, yang merupakan biasiswa yang berprestij kali ini telah dianugerahkan kepada seramai lima pelajar bagi Sesi Pengajian Isnin, 2 September. - Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB)



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB (atas kiri dan atas kanan).

Tahun 2024 / 2025.

Pengurniaan anugerah berkenaan yang berlangsung di Istana Nurul Iman disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir

YSHHB.

Majlis dimulakan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Para penerima terdiri daripada Dayang Nur Hidayah Haziyah binti Handrie yang merupakan lepasan penuntut Sekolah Antarabangsa Jerudong dan melalui Biasiswa Sultan's Scholar beliau akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Environmental Geoscience di University College London, United Kingdom.

Sementara itu, Awang Muhammad Asfa Radhi bin Mohammad Yusran merupakan lepasan penuntut Pusat Tingkatan Enam Tutong dan beliau akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Engineering (Honours) (Chemical Engineering) di University of New South Wales Sydney, Australia.

Awang Muhammad Nafeez bin Haji Arbaie lepasan penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Data Science and Decisions di University of New South Wales Sydney, Australia.

Manakala Awang Muhammad Afiq bin Abdul Rahman merupakan lepasan penuntut Sekolah Antarabangsa Jerudong dan melalui Biasiswa Sultan's Scholar dan akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Mathematics di University College London, United Kingdom.

Awangku Mohammad Idris Fadhllee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim pula lepasan penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Syariah Islamiyyah di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan anugerah biasiswa kepada para penerima, iaitu Dayang Nur Hidayah Haziyah binti Handrie, Awang Muhammad Asfa Radhi bin Mohammad Yusran dan Awang Muhammad Nafeez bin Haji Arbaie (atas kiri, kiri dan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan anugerah biasiswa kepada Awang Muhammad Afiq bin Abdul Rahman dan Awangku Mohammad Idris Fadhllee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim (kiri dan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

>> Muka 3

Pada majlis itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

berserta kerabat diraja berkenan beramah mesra dengan penerima-penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang YSHHB; Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Sultan's Scholar Darussalam bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.

Turut hadir, Jemaah Tadbir YSHHB; Lembaga Pengaruh

YSHHB; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; pegawai-

pegawai kanan Jabatan Kerajaan yang berkenaan dan pegawai-pejawat YSHHB; sebahagian Alumni Sultan's Scholar YSHHB dan sebahagian pengetua dari institusi-institusi tingkatan enam di seluruh negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama para penerima biasiswa dan keluarga serta yang hadir pada majlis berkenaan (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



BERANGKAT MENGALU-ALUKAN KETIBAAN PERDANA MENTERI REPUBLIK INDIA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin



>> Muka 1

Pada majlis ini, Tuan Yang Terutama diperkenalkan kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad

Irwan bin Haji Hambali; Pemerintah ABDB, Mejari Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik India, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd Taha; Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam serta Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudian disembahkenalkan kepada rombongan rasmi Republik

TUAN Yang Terutama Perdana Menteri Republik India memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



India.
Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri.
Lawatan Rasmi berkenaan

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi (kiri sekali dan kiri).

merupakan lawatan pertama Tuan Yang Terutama sebagai Perdana Menteri Republik India ke Negara Brunei Darussalam.

TYT memulakan penggal ketiganya sebagai Perdana Menteri Republik India pada 9 Jun 2024.



Keindahan Masjid Omar 'Ali Saifuddien tarik perhatian PM Republik India



PERDANA Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi mengadakan lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan (atas dan kanan).



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 September.- Seni bina Islam yang terserlah pada Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan merupakan mercu tanda Bandar Seri Begawan telah menarik perhatian Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi

berserta rombongan yang dalam rangka Lawatan Rasmi ke negara ini.

Malam tadi, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik India dan rombongan telah mengadakan lawatan ke masjid berkenaan, di ibu negara.

Ketibaan Tuan Yang Terutama

Shri Narendra Modi di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

bin Haji Jaafar selaku Menteri Pengiring.

Sejurus tiba, Tuan Yang Terutama dan rombongan dibawa menyaksikan klip video mengenai sejarah dan pembangunan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, diikuti dengan lawatan ke persekitaran masjid.

TYT Perdana Menteri Republik India kemudiannya

menandatangi Buku Lawatan dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada TYT disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Lawatan diakhiri dengan sesi bergambar ramai sebagai tanda kenangan TYT Perdana Menteri Republik India dan rombongan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Perasmian Bangunan Baharu Suruhanjaya Tinggi India di NBD



PERDANA Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi merasmikan Bangunan Suruhanjaya Tinggi India di NBD yang baharu bertempat di Diplomatic Enclave, Jalan Kebangsaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 3 September. - Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi yang dalam rangka Lawatan Rasmi selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD) turut berkesempatan merasmikan Bangunan Suruhanjaya Tinggi India di NBD yang baharu bertempat di Diplomatic Enclave, Jalan Kebangsaan.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri Republik India turut beramah mesra bersama Ahli-ahli Komuniti India di NBD yang sama-sama hadir bagi mengalau-alukan Tuan Yang Terutama ke negara ini.

Kompleks Bangunan Suruhanjaya Tinggi India yang siap sepenuhnya pada tahun 2022 itu merangkumi bangunan yang menempatkan Pejabat-pejabat Pesuruhjaya

Tinggi dan pegawai-pegawai serta kakitangan Suruhanjaya Tinggi berkenaan.

Ia juga mempunyai sebuah Dewan Bahagian Konsulat yang berbeza di mana ia akan memenuhi keperluan bagi permohonan visa dan perkhidmatan konsulat.

Sebuah Dewan Serbaguna dengan kapasiti hampir 200 orang juga dibina di mana ia akan digunakan bagi menganjurkan pelbagai acara termasuk kebudayaan, akademik dan komersial bagi kegunaan Suruhanjaya Tinggi dan juga komuniti.

Hubungan diplomatik antara Republik India dan NBD terjalin sejak 10 Mei 1984 di mana Pejabat Perwakilan India di NBD ditubuhkan pada 18 Mei 1993.

Kedua-dua negara menikmati hubungan dua hala yang baik lagi mesra sejak sekian lama dan telah sama-sama meneroka pelbagai peluang termasuk kerjasama dalam industri pertahanan, keselamatan maritim dan latihan.

MAJLIS PENANDATANGANAN PERJANJIAN BIASISWA SULTAN'S SCHOLAR



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian Tahun 2024 / 2025 (kiri dan bawah).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN,
 Isnin, 2 September. - Seramai lima penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian Tahun 2024/2025 menandatangani perjanjian penerimaan biasiswa mereka pada satu majlis yang berlangsung di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks YSHHB, di sini.

Majlis Penandatanganan Perjanjian tersebut adalah kesinambungan daripada Majlis Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi Pengajian 2024 / 2025 yang telah berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB.

Para penerima Biasiswa Sultan's Scholar berkenaan terdiri daripada Dayang Nur Hidayah Haziyah binti Handrie; Awang Muhammad Asfa Radhi bin Mohammad Yusran; Awang Muhammad Nafeez bin Haji Arbaie; Awang Muhammad Afiq bin Abdul Rahman dan Awang Mohammad Idris Fadhllee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Buhuth, Jabatan Mufti Kerajaan, Pengiran Haji Muhammad Wafiuuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain, yang juga Alumni Sultan's Scholar YSHHB.

Acara majlis diteruskan dengan menandatangani perjanjian penerimaan biasiswa bagi kelima-lima penerima biasiswa yang ditemani bersama dua orang penjamin yang terdiri daripada ibu bapa mereka atau ahli keluarga terdekat.

Manakala bagi pihak YSHHB pula, penandatanganan diwakili oleh

Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB bersama dengan Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad, dengan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan khusus bagi para

penerima Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB yang akan bertolak dari Negara Brunei Darussalam bagi meneruskan pengajian masing-masing.

Turut hadir pada majlis ini ialah Lembaga Pengarah YSHHB; Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal



YSHHB HULUR SUMBANGAN BAGI AKTIVITI TAKMIR MASJID

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SUMBANGAN kepada masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II; manakala masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Tutong dan Temburong disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (atas dan bawah).



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengaruh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Lembaga Pengaruh YSHHB hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERIBEGAWAN, Selasa, 3 September. - Seiring dengan pendekatan senegara yang mantap Whole of Nation Approach dalam bekerjasama dengan beberapa agensi yang berkepentingan bagi mempertingkatkan syiar Islam di negara ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui program memakmurkan masjid memberikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND75,800 kepada sebahagian masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara khusus bagi mengadakan majlis atau aktiviti sempena Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446H / 2024M.

Sebanyak 72 buah masjid, surau dan balai ibadat menerima sumbangan kewangan tersebut, iaitu 29 buah masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara; 23 buah di Daerah Tutong;

lapan buah di Daerah Belait dan 12 buah di Daerah Temburong.

Sumbangan-sumbangan tersebut diterima oleh imam-imam masjid, surau dan balai ibadat berkenaan pada majlis penyerahan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Sumbangan kepada masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengaruh YSHHB; manakala masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Tutong dan Temburong disampaikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Ahli Lembaga Pengaruh YSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

170 pelajar UTB diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Timbalan Pengurus Majlis Universiti Teknologi Brunei (UTB) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, antara peserta khatam yang diraikan.

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 2 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Konvokesyen UTB, Tahun 2024 yang diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jalan Tungku Link, Gadong.

Seramai 170 peserta terdiri daripada 43 mahasiswa dan 127 mahasiswi menyertai Majlis Khatam berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Timbalan Pengurus Majlis UTB.

Turut hadir ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Ini diikuti dengan bacaan

Surah Ad-Dhuha sehingga Surah Al-Masad, diketuai oleh bakal graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam Kejuruteraan Mekanikal, Awang Muhammad Nur Hazim Wafiuiddin bin Haji Kamaruzaman.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Matematik Gunaan dan Ekonomi, Awang Muhammad Zawir Firdaus bin Zamrani.

Tetamu kehormat kemudiannya menyampaikan sijil dan

cenderamata kepada para peserta khatam lelaki, manakala Naib Canselor UTB menyampaikan bagi peserta khatam perempuan.

Majlis berkenaan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid UBD, Awang Abdul Muhammin bin Dr. Haji Serbini.

Seramai 670 graduan akan diraikan pada Konvokesyen UTB 2024 yang akan diadakan pada Sabtu, 7 September 2024 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

KUKUHKAN SISTEM IP DI RANTAU ASEAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman, Ak. Md. Hasnal
Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan perasmian (kanan dan atas). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

>> Muka 1

Mesyuarat ini akan menampilkan perundingan dengan lima rakan dialog utama ASEAN iaitu Pejabat Paten dan Cap Dagangan Amerika Syarikat (USPTO), Pejabat Harta Intelek Korea (KIPO), Pentadbiran Harta Intelek Negara China (CNIPA), Pejabat Paten Jepun (JPO) dan WIPO. Perundingan ini akan merangkumi projek-projek kerjasama, kemas kini mengenai pelan kerja berkaitan IP dan perbincangan mengenai kerjasama masa depan yang akan mengukuhkan lagi sistem IP di dalam rantau ASEAN.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah



binti Haji Mohammed Taib.

Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah dalam ucapan perasmianya berkata, Pejabat Peguam Negara melalui BrulPO, sedang berusaha untuk menyediakan peraturan-peraturan untuk Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO) bagi memastikan amalan mereka selaras dengan piawaian antarabangsa dan diharapkan dapat menyokong pembangunan industri kreatif di sini.

"Saya turut memperakui akan pencapaian penting dengan penubuhan Pusat Sokongan Teknologi dan Inovasi (TISC) pertama di Negara Brunei Darussalam iaitu di Universiti Brunei Darussalam. Pusat ini menyediakan sokongan penting

untuk penyelidikan, inovasi dan akses kepada perkhidmatan maklumat teknologi berkualiti tinggi, semuanya penting untuk mencapai sasaran SDG kami, khususnya dalam memupuk inovasi dan pembangunan infrastruktur.

"Sementara kami terus memperkuuh sistem harta intelek kami, Negara Brunei Darussalam kekal komited kepada peranan kami dalam komuniti ASEAN. Pelan Tindakan Harta Intelek ASEAN, yang telah menjadi tonggak kerjasama serantau kami, dijadualkan berakhir pada tahun 2025. Pelan ini telah membimbang kami dalam usaha untuk menyelaraskan amalan harta intelek di kalangan negara anggota ASEAN, memupuk ketahanan kolektif dan meletakkan ASEAN sebagai kawasan yang dinamik

untuk inovasi dan kreativiti," ujar Yang Berhormat lagi.

Perhimpunan ini menekankan komitmen ASEAN untuk

memajukan kerjasama IP, yang penting untuk memupuk inovasi, pertumbuhan ekonomi dan daya saing di rantau ini.



Peluang serta Kempen Derma Darah

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Selasa 3 September 2024 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Lantai Bawah, OneCity Shopping Centre, Kg Sg Hanching
Sabtu 7 September 2024 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.30 petang hingga 3.30 petang	Ruang Lobi, Balai Khazanah Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Babu Raja, Bandar Seri Begawan

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah. Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Selasa, 3 September 2024 di Lantai Bawah, OneCity Shopping Centre, Kampung Sungai Hanching bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang dan pada Sabtu, 7 September 2024 di Ruang Lobi, Balai Khazanah Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Babu Raja, Bandar Seri Begawan bermula 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula jam 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 3.30 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.


LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



IRSYAD HUKUM

جهاٰن مفید کا جان
جهاٰن مفید کا جان

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMELUK ugama Islam bererti mengubah *i'tiqad* atau kepercayaan dan pegangan daripada ugama lain kepada ugama Islam dengan mengakui keesaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan kersulan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam serta membebaskan dirinya dari setiap ugama yang menyalahi ugama Islam.

Orang bukan Islam yang mukalaf (berakal dan baligh) yang hendak memeluk ugama Islam dengan kerelaan hatinya adalah sah menjadi muslim dengan mengucap dua kalimah syahadat. Memadai dia menjadi muslim dengan mengucap dua kalimah syahadat secara bersendirian walaupun tidak disaksikan oleh orang lain. Ucapan

Mengucap Dua Kalimah Syahadat Dengan Selain Bahasa Arab

dua kalimah syahadat itu ialah:

أشهَدُ أَنَّ لِإِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ

Ertinya: Saya naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan saya naik saksi bahawa Muhammad itu Pesuruh Allah.

Jika orang bukan Islam yang mukalaf datang menyatakan hasratnya hendak memeluk ugama Islam dan meminta kepada seseorang untuk membimbangnya mengucap dua kalimah syahadat, adakah memadai mengucapkannya dengan menggunakan bahasa selain bahasa Arab?

Menurut al-Asy'irah dan al-Maturidiyyah, mengucap dua kalimah syahadat itu syarat dalam beriman untuk dijalankan ke atasnya hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan urusan keduniaan seperti pengurusan jenazahnya, harta pusakanya, perwalian dan seumpamanya. Jika dua kalimah syahadat itu diperakui dalam hati sahaja tanpa melafazkannya dengan lisan, maka dia adalah orang yang beriman di sisi Allah Ta'ala tetapi tidak mencukupi syarat orang beriman untuk dijalankan ke atasnya hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan urusan keduniaan. Jika lidahnya sahaja yang melafazkan dua kalimah syahadat tetapi hatinya tidak turut memperakukannya, maka dia adalah orang yang mencukupi syarat orang beriman untuk dijalankan ke atasnya hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan urusan keduniaan tetapi dia tidak beriman di sisi Allah Ta'ala sebagaimana orang munafik.

Maka supaya dijalankan ke atas seseorang itu hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan urusan keduniaan sebagai orang yang beriman, hendaklah dua kalimah syahadat itu dilafazkan sebagai bukti orang beriman dan tidak memadai dengan perakuan dalam hati sahaja kerana ia tersembunyi dan tidak dapat dijadikan

sandaran. Inilah pendapat jumhur ulama.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam Kitab al-Majmu' menjelaskan bahawa orang bukan Islam yang hendak memeluk ugama Islam dan dia tidak mahir bahasa Arab, lalu dia mengucap dua kalimah syahadat menggunakan bahasa selain bahasa Arab adalah sah Islamnya tanpa ada percanggahan pendapat di kalangan ulama. Adapun orang bukan Islam yang mahir bahasa Arab jika dia mengucap dua kalimah syahadat dengan bahasa selain bahasa Arab menurut pendapat *ash-shahih* adalah juga sah Islamnya.

Asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* juga menyebut perkara sedemikian dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, katanya:

Ertinya: Islam (seseorang) adalah sah (dengan mengucap dua kalimah syahadat) dengan (menggunakan) apa-apa bahasa sepetimana yang dikatakan Ibn Shabbagh dan selain daripada beliau dan (sah) dengan isyarat (bagi) orang bisu.

Perkara penting yang dikehendaki dalam mengucap dua kalimah syahadat ialah pemberitahuan tentang pengakuannya (*i'tiqad*) terhadap keesaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan kerasulan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dan perkara ini terhasil dengan menggunakan apa jua bahasa.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Raudhah ath-Thalibin*, dapat difahami bahawa orang yang mengucap dua kalimah syahadat hendaklah memahami makna dua kalimah syahadat tersebut sebagai syarat sah Islamnya. Katanya:

Ertinya: Maka jika dibimbangi orang yang bukan bangsa Arab (mengucap dua kalimah) syahadat dengan (menggunakan) bahasa Arab, lalu dia melafazkannya

sedangkan dia tidak tahu maknanya, dia tidak dihukumkan Islam.

Daripada penjelasan di atas, orang yang memeluk ugama Islam adalah sah menjadi muslim dengan mengucap dua kalimah syahadat dengan bahasa yang difahaminya.

Berkaitan dengan perkara dua kalimah syahadat ini, perkara yang juga perlu diambil perhatian ialah apabila ada orang bukan Islam yang datang untuk memeluk ugama Islam dan meminta bimbing untuk mengucap dua kalimah syahadat, maka wajib diajarkan kepadanya dengan segera dua kalimah syahadat supaya dia segera keluar dari kekufturan yang membawanya kekal dalam Neraka.

Ucapan dua kalimah syahadat boleh dilafazkan dalam bahasa Arab bagi orang yang memahami bahasa Arab atau manapun bahasa yang difahami oleh orang yang hendak memeluk ugama Islam itu, atau mengucap dua kalimah syahadat itu dengan lafadz bahasa Arab dan diikuti dengan ertinya dalam bahasa yang difahaminya.

Dalam perkara ini, jangan seseorang itu melambat-lambatkan untuk mengajarkan dua kalimah syahadat tanpa sebarang keuzuran seperti hendak menyelesaikan terlebih dahulu tugas atau kerja. Orang yang melambat-lambatkan mengajarkan dua kalimah syahadat hukumnya adalah berdosa dan boleh membawa kepada kufur jika dia redha akan kekufturan orang itu. Redha terhadap kekufturan walaupun secara sembunyi adalah termasuk dalam bentuk perkara-perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu dihukumkan kafir.

Demikian penjelasan mengenai mengucap dua kalimah syahadat dengan selain bahasa Arab.

Tempah tiket ke syurga dengan kejujuran

perkataan yang benar".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga amat menggalakkan umat Baginda untuk berlaku jujur dalam apa jua situasi. Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abdullah Radhiallahu 'anhu telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Sesungguhnya kejujuran akan membimbing kepada kebaikan dan kebaikan itu akan membimbing ke syurga. Sesungguhnya jika seseorang yang sentiasa berlaku jujur hingga ia akan dicatat sebagai orang yang jujur. Dan sesungguhnya kedustaan itu akan menghantarkan pada kejahatan dan sesungguhnya kejahatan itu akan mengiringi ke neraka. Dan sesungguhnya jika seseorang yang selalu berdusta sehingga akan dicatat baginya sebagai seorang pendusta".

Hadis tersebut menjelaskan bahawa kejujuran itu pembuka pintu-pintu kebaikan bagi umat Islam yang akan membawa ke syurga. Orang-orang yang sentiasa berlaku jujur dalam perkataan dan perbuatannya, mereka akan dicintai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan seluruh manusia. Jujur merupakan sikap yang lurus, betul, menyatakan apa yang benar dan tidak berbohong atau berkata perkara yang lain daripada apa yang terjadi (fakta).

Jujur juga bermaksud ketepatan antara niat dengan ucapan dan perbuatan seseorang. Sifat jujur sangat penting dan perlu dimiliki oleh setiap individu baik dalam lisan maupun perbuatan. Sifat ini juga adalah dasar bagi sebuah kepercayaan antara individu dengan yang lain.

Adapun kelebihan bagi orang-orang yang bersikap jujur antaranya ialah :

- Kejujuran itu akan mendatangkan ketenangan dan ketenteraman di hati sedangkan kedustaan akan mendatangkan keraguan dan kegelisahan.
- Orang-orang yang jujur akan memperoleh rida Allah Subhanahu Wata'ala.
- Mendapat kepercayaan oleh orang sekeliling.
- Terhindar daripada fitnah.

Semoga kita sentiasa bersikap jujur dalam kehidupan kita sehari-hari dan semoga kita juga akan sentiasa dikelilingi oleh orang-orang yang bersikap jujur terhadap kita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 119 yang mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar".



DALAM menjalani kehidupan sehari-hari, kita dituntut untuk sentiasa bersikap jujur. Allah Subhanahu Wata'ala menganjurkan semua hamba-Nya yang beriman agar bersifat jujur dan berpegang teguh pada kebenaran agar mereka terus istiqamah di jalan yang benar. Sifat itulah yang menentukan nilai amal perbuatan manusia kerana kejujuran merupakan bentengnya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 70 mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan ucapkanlah



PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu
- Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah
- Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta
- Pengalaman Kerja Beruniform
- Pengalaman Bekerja Sendiri
- Penempatan Kerja
- Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional
- Peperiksaan Kesetiausahaan
- Kemahiran Bahasa
- Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- Program Pembangunan Eksekutif



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

TINGKATKAN PEMAHAMAN, KERJASAMA DALAM PENGURUSAN BIODIVERSITI TANAH GAMBUT



TIMBALAN Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya hadir selaku tetamu kehormat semasa acara pembukaan forum berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, antara yang membuat pembentangan.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

KIULAP, Isnin, 2 September. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) SUPA/REPEAT mengadakan Forum ASEAN mengenai Biodiversiti Paya Gambut yang berlangsung selama lima hari bermula hari ini, bertempat di J Hotel, Kiulap, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa acara pembukaan forum berkenaan, Timbalan Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya.

Forum yang diadakan dengan sokongan Pusat Biodiversiti ASEAN (The ASEAN Centre for Biodiversity-ACB) berkenaan disertai seramai 52 peserta dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste, termasuk pakar, penyelidik dan pembuat dasar, untuk membincangkan mengenai biodiversiti dan ekologi di hutan

paya gambut di rantau ASEAN.

Selama tiga hari akan datang, para peserta forum akan terlibat dalam siri pembentangan dan perbincangan yang merangkumi pelbagai topik. Ini termasuklah sumbangan biodiversiti kawasan tanah gambut terhadap agenda biodiversiti dan perubahan iklim global dan serantau, kepentingan tanah dan hutan paya gambut di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta status keberadaan khusus bagi spesies hutan paya gambut di NBD mengikut klasifikasi daripada International Union for Conservation of Nature (IUCN), perbandingan biodiversiti tanah gambut di kawasan yang dilindungi berbanding kawasan yang tidak dilindungi di NBD, perkongsian maklumat dari setiap Negara-negara Anggota ASEAN mengenai pengurusan biodiversiti khususnya terhadap komitmen Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal 2030, dan keterdedahan biodiversiti tanah gambut akibat penggunaan tanah dan perubahan iklim di Indonesia dan Malaysia.

Forum berkenaan akan diikuti dengan lawatan lapangan ke hutan paya gambut di Badas, Daerah Belait, yang akan memberi pendedahan langsung serta penerangan kepada peserta mengenai inisiatif pemuliharaan hutan paya gambut dan projek inventori sumber hutan negara yang dilaksanakan di kawasan berkenaan.

Para peserta juga berpeluang untuk membuat aktiviti penanaman sebanyak 50 pokok Shorea Albida semasa lawatan berkenaan.

Forum antara lain bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kerjasama dalam pengurusan biodiversiti tanah gambut di samping membincangkan mengenai dengan status pemuliharaan tanah gambut, ancaman kepada biodiversiti, dan strategi untuk pemuliharaan yang berkesan.

Acara berkenaan memberikan NBD peluang untuk menunjukkan komitmennya terhadap pemuliharaan hutan paya gambut di negara ini dan bekerjasama dengan negara-negara serantau dalam menangani cabaran yang dihadapi.

Forum berkenaan adalah selaras dengan Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN (ASEAN Peatland Management Strategy - APMS) 2023-2030, dalam mendukung komitmen Negara-negara Anggota ASEAN khususnya NBD bagi melindungi dan memelihara tanah gambut untuk generasi akan datang.

NBD mempunyai liputan hutan paya gambut melebihi 90,000 hektar dan kini sedang menjalankan projek Inventori Sumber Hutan Negara untuk mengemas kini data mengenai keseluruhan sumber hutan, dengan fokus utama kepada inventori karbon di hutan paya gambut Daerah Belait.

ANTARA yang hadir pada Forum ASEAN mengenai Biodiversiti Paya Gambut di J Hotel, Kiulap.

Kukuhkan nilai Melayu Islam Beraja dalam diri belia

Berita dan Foto: Ihsan Haji Norazalany Haji Md Yassin



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas), manakala gambar bawah, antara tujuan forum ini diadakan adalah untuk menanam dan mengukuhkan pada diri belia dengan nilai-nilai dan kepercayaan yang terkandung dalam perlembagaan negara dan falsafah Melayu Islam Beraja.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kumpulan Belia Masjid Senegara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Belia Masjid dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara telah mengadakan forum sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun dengan tajuk 'Belia Generasi Harapan Raja dan Negara'.

Forum berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah Kampung Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Antara tujuan forum ini diadakan adalah untuk menanam dan mengukuhkan pada diri belia dengan nilai-nilai dan kepercayaan yang terkandung dalam perlembagaan negara dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Di samping untuk mendidik belia agar taat kepada Allah, setia kepada raja dan cinta kepada negara, acara ini juga dihasilkan dapat melahirkan para belia yang berwawasan dalam pembangunan negara serta memupuk semangat belia agar menjadi belia harapan bangsa, agama dan negara.

Forum pada malam tersebut dipengerusikan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid

Senegara, Awang Mohammad Farhan@Awang Mohammad Ali bin Alim. Sementara ahli panel terdiri daripada Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Ugama Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU

SB), Awang Hilman bin Haji Salim dan Penolong Profesor Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 kalangan lelaki dan no. 2 kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:	Langkah Pencegahan:
<ul style="list-style-type: none"> ✗ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita. ✗ Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal. ✗ Pernah menghidap kanser kolorektal. ✗ Berat badan yang berlebihan. ✗ Merokok. ✗ Tidak aktif. ✗ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak. ✗ Minuman minuman keras yang berlebihan. 	<ul style="list-style-type: none"> ✗ Tidak merokok. ✗ Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran. ✗ Pengesanan awal untuk kanser kolorektal. ✗ Elakkan meminum minuman keras.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- ✗ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✗ Darah dalam najis.
- ✗ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✗ Kembung perut.
- ✗ Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila lariay www.ppk.gov.bn

دعاء ممohen كفـد الله سقـايي تـرسـلامـة

درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيـت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاوَاتِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ ذَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
آخْتَنَمَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِدِينِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطُفْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُنَا
سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا يَأْذِنُهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يَجِدُونَ شَيْئًا مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا يَمْأَشِأ
وَسَعْ كُرْسِيَهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَتُوْدُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فِإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يعْ مباوا اکبر او نتو عن ساعت بسر کقد قع عملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

IKLAN



Bilangan Tawaran:
09 / JPB / SH / 2024

Keterangan :
Replace New CHUBB Pass-Lock at Penjara Wanita, Jerudong Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
17 September 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran
Isnin – Khamis
8.00 Pagi - 11.30 Pagi

Sabtu
8.00 Pagi - 10.00 Pagi



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
MOFE / UPAH / Q / 2024 - 3

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Renovasi dan Pembekalan "Cubicles and Partitions" di Tingkat 17, Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Sabtu,
14 September 2024
Jam 2.00 Petang



Nama Dokumen Sebut Harga :
Pembekalan Dakwat bagi Alat Cetak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bilangan Sebut Harga:
10 / DBP / SH / 2024-2025

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Khamis,
12 September 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
P01 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 027 /2024

Nama Projek:

Membekal dan Menghantar Alat Ganti untuk Pam (Kubota Pump) Air Bersih bagi Loji Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,

10 September 2024

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,

24 September 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
2 / SEPTEMBER / 2024 / PSB / PD.575:
Supply, Delivery and Installation of Office Furniture at Pusat Sejarah Brunei

Tarikh Tutup Dan Waktu:

Selasa,
17 September 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JPt / TAW / 12 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Brunei Muara Zon A bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

JPt / TAW / 13 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Brunei Muara Zon B bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

JPt / TAW / 14 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Tutong bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

JPt / TAW / 15 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Temburong bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Tarikh Tutup Dan Waktu:

Selasa,
8 Oktober 2024
tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
34 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024

The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing, and Maintenance for Switches at The Religious and Arabic Schools Under Ministry of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 September 2024
Jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

Bil. Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q09
Invitation for Two Years Network Preventive Maintenance for Ministry of Development Headquarter (MOD HQ).

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut harga:

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu,
4 September 2024

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
19 September 2024

Tarikh Tutup:
Isnin,
23 September 2024
Jam sebelum 9.00 Pagi



Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-15

Nama Tawaran:
Pembelian & Pemasangan Water Pump untuk Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerangan Awam

Tarikh Tutup:
Rabu
11 September 2024
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 170 / 2024 / JPR (TC)

Keterangan :
The Establishment of Renal Dialysis Centre at Mukim Berakas (A or B) For Department of Renal Services, Ministry of Health for a Period of Ten (10) Years

Yuran Tawaran:
BND5,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 171 / 2024 / JPR (TC)

Keterangan:
The Establishment of Renal Dialysis Centre At Mukim Liang for Department of Renal Services, Ministry of Health for a Period of Ten (10) Years

Yuran Tawaran:
BND5,000.00

Tarikh Tutup Tawaran:
15 Oktober 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang





JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Syarikat-Syarikat yang memiliki Sijil Pendaftaran dari 'Registrar of Companies' dan berdaftar dengan Pihak Agensi Keselamatan Polis Diraja Brunei bagi:

Nama Projek :
Security Service for a Period of 36 Months to Housing Development Department Headquarters, Negara Brunei Darussalam.

Bil. Projek :
JKP / 10 / 2024

Nama Projek :
Security Service for a Period of 30 Months to Apartment Blocks and Multi-Storey Carpark Blocks



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
III, IV dan V sahaja

Kategori :
B01 dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM023 / 2024

Bil. Projek
JKR / DBS / IMU04 / 2024

Nama Projek:
Kontrak Berpenggal bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih / Kerja-Kerja Penggantian pada Rumah-Rumah Tetamu Kerajaan VIP di Assiadah dan Bangunan-Bangunan Berkaitan di Kampong Jerudong Negara Brunei Darussalam bagi Tempoh Tiga Puluh Enam (36) Bulan

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
10 September 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 September 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



IKLAN

HARI RABU 4 SEPTEMBER 2024 15

at Jalan Salam Perpaduan, Kg. Lambak Kanan National Housing Scheme, Negara Brunei Darussalam.

Bil. Projek :
JKP / 10 / 2024

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada tender.jkp@hdd.gov.bn

Tarikh Buka Tawaran:
4 September 2024 (Rabu)

Tarikh Tutup Tawaran :
24 September 2024 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran E-Dokumen :

Pembayaran melalui One Common Billing System (OCBS).

Pembayaran melalui kaunter :
Isnin - Khamis
8.00 Pagi - 3.00 Petang

Sabtu
8.00 Pagi - 10.00 Pagi



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV, V

Kategori :
KPB01 - Kod Baharu

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 29 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek:
Projek Pembinaan Lapan (08) Buah Rumah Bantuan di Daerah Brunei Muara Zon A

Kelas :

IV, V

Kategori :
B01 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 30 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek:
Projek Pembinaan Lapan (08) Buah Rumah Bantuan di Daerah Brunei Muara Zon B

Kelas :
IV, V

Kategori :
B01 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 31 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek:
Projek Pembinaan Enam (06) Buah Rumah Bantuan di Daerah Belait Zon A

Kelas :
I & II

Kategori :
B01 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 32 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Projek Pembinaan Satu (1) Buah Rumah Bantuan di Daerah Belait Zon B

Kelas :
IV, V & VI

Kategori :
B01 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 33 / CQS / 2024-T / V

Nama Projek:
Projek Pembinaan Sembilan (9) Buah Rumah Bantuan di Daerah Temburong Zon A

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
1 Oktober 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2024 / 8 / 3

Tajuk Tawaran :

Quotation for the Renovation Including Supply and Installation of Furnishes and Fixtures for Officer Rooms, Second Floor, Law Building,

Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
10 September 2024
Jam 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2024 / 8 / 2

Tajuk Tawaran :

Quotation for the Renovation Including Supply and Installation of Furnishes and Fixtures for Officer Rooms, Second Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
10 September 2024
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNG :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNG MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 3 / 24-25
Proposal for Recertification Towards Quality Management System Iso 9001:2015 for Management Services Department, Prime Minister's Office

Yuran Sebut Harga (Termasuk e-dokumen):

BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
26 Ogos 2024

Tarikh Tutup:
Sabtu,
7 September 2024
Jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI****Pemberitahuan Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 11 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaki Kerosakan Barik JKR No. 104-B2 Jalan Sungai Basong Tutong

Tajuk Tawaran:
BND2.00
Tidak dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
11 September 2024
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong yang Berdaftar di dalam

Kelas :
III dan V sahaja

Kategori :
B01 dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM024 / 2024

Bil. Projek
JKR / DBS / IMU05 / 2024

Nama Projek:
Kontrak Berpenggal bagi Kerja-Kerja Membaki Pulih / Kerja-Kerja Penggantian pada Rumah-Rumah Tetamu Kerajaan VIP di Assarraa dan Bangunan-Bangunan Berkaitan di Kampong Jerudong Negara Brunei Darussalam bagi Tempoh Tiga Puluh Enam (36) Bulan

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
17 September 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
1 Oktober 2024,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 031 / 2024

Tajuk Tawaran:
Reinforcement Of Low Voltage Network For Tutong (Retendered)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / LIBRARY / BUU / QTN / 2024 / 8 / 1

Tajuk Tawaran :
Quotation for Supply and Delivery of Textbooks for Collections of the Law Library (Part 1), Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa
10 September 2024
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PERTAHANAN****Makluman Tarikh Lanjutan**

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / BOL / 002
[JPPK / LTN / 20 / 2023]
Proposed Design and Build of New Building for Judge Advocate General's Office at Bolkiah Garrison

Kelas:
V dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:

Lima Belas (15) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu **Selasa, 27 Ogos 2024.**

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Kepada:

Selasa,
24 September 2024
2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Terbuka

Kategori :
KPB01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
3 September 2024

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 27 / CQS / 2024-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penyelidikan Tanah Dan Pengikiran Topografi Bagi Tapak Politeknik Di Kampung Madaras

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
17 September 2024,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

Bilangan Tawaran:
KK / 177 / 2024 / UPP (TC)

Keterangan :
The Provision of Food and Drink Vending Machine Service at Zone 1 [The Outpatient Department Block], Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital for A Period of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 178 / 2024 / UPP (TC)

Keterangan :
The Provision of Food and Drink Vending Machine Service at Zone 4 And Zone 5 [The Specialist Building, The Kiarong Child Development Centre, The Kiarong Psychiatric Services and The Kiarong Circumcision Unit], Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital for A Period of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 182 / 2024 / HTD(TC)

Keterangan :
The Provision of Maintenance Services For Siemens Equipment For Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 183 / 2024 / PPN(TC)

Keterangan :
Provision of Maintenance Services for Fire Alarm System, Carbon Dioxide [CO₂] Fire Suppression System, Fire Hose reel System and Fire Extinguishers at National State Dental Centre, Ministry of Health for A Period of Five (5) Years

Kelayakan Pembekal / Pemborong:

Berdaftar Dengan Kementerian Kesihatan Dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 182 / 2024 / HTD

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install, Testing and Commission One (1) Unit of Direct Mass Spectrometry for Illicit Drugs Section, Department of Scientific Services, Ministry of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup Tawaran:
10 September 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



MEMANTAPKAN BARISAN PERHUBUNGAN AWAM SETIAP KEMENTERIAN



ROMBONGAN berkenaan dialu-alukan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 September. – Bagi meningkatkan lagi hubungan baik dan mengukuhkan rangkaian kerja di antara pegawai-pegawai dan pengamal perhubungan awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, Program Perkongsian Maklumat bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Seramai 31 orang pegawai dan pengamal perhubungan awam yang mewakili pelbagai kementerian menyertai program yang diketuai oleh Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar, selaku Ketua Rombongan Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-

kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK).

Rombongan berkenaan dialu-alukan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman.

Semasa program berkenaan, rombongan diberikan taklimat mengenai peranan, isu dan perkhidmatan yang ditangani oleh JAPEM khususnya isu-isu yang berkaitan dengan Sistem Kebajikan Negara (SKN); Bantuan Kebajikan Bulanan; Warga Emas dan Pencen-pencen; Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak; Orang Kelainan Upaya; Kaunseling dan Talian-talian Kebajikan JAPEM.

Jabatan Penerangan selaku Urus Setia kepada JPAKK & JJK yang telah ditubuhkan pada 8 Mac 1997 akan terus merancang



SEMASA program berkenaan, rombongan diberikan taklimat mengenai peranan, isu dan perkhidmatan yang ditangani oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

lawatan-lawatan sedemikian dalam usahanya untuk memberikan pengetahuan secara langsung mengenai isu semasa dan inisiatif-inisiatif kerajaan yang terkini.

Selain itu, Jabatan Penerangan

juga berperanan untuk menyediakan rangka perancangan latihan bagi pegawai-pegawai perhubungan awam dan pengamal perhubungan awam bagi Ahli-ahli JPAKK & JJK.

Ia bertujuan untuk memantapkan

barisan perhubungan awam di setiap kementerian dalam sama-sama menanai imej kerajaan dan mengukuhkan lagi hubungan antara kerajaan dengan orang awam sebagai pengguna.



ANTARA yang hadir pada Program Perkongsian Maklumat bersama JAPEM di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Pertandingan Kuiz bagi persediaan hadapi peperiksaan

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



KATOK, Selasa, 3 September. - Ke arah mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Sekolah Ugama (SU) Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok pagi tadi

mengungkayahkan Pertandingan Kuiz bagi Mata Pelajaran Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) 'O' Level.

Program tersebut melibatkan lebih 54 pelajar Tahun 10 Fast Track dan Tahun 11 daripada tiga buah sekolah Arab iaitu Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah,

SEKTIAR Pertandingan Kuiz bagi Mata Pelajaran Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) 'O' Level (kiri dan kanan).



Ma'had Islam Brunei dan SU Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha selaku tuan rumah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penolong Pengarah (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Haslinah Susanti binti Haji Md Hassan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat oleh Ali Moustafa Ali El Saghir, diikuti dengan ucapan alu-aluan

oleh Pemangku Pengetua SU Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Dayangku Aidi Noorintan binti Pengiran Haji Zinin.

Antara tujuan program diadakan adalah untuk mendedahkan para pelajar dengan pelbagai aplikasi dalam talian sekali gus menjadikan pelajar celik teknologi dan meningkatkan motivasi serta kegigihan pelajar-pelajar untuk membuat persediaan menghadapi

Peperiksaan BCGCE 'O' Level yang tidak lama lagi dan memperoleh kejayaan yang cemerlang.

Selain itu, aktiviti ini juga untuk menanamkan sifat bekerjasama dan berdaya saing sesama rakan.

Acara yang dijalankan ini merupakan salah satu perisian Program Ilal Majdi Wal 'Ula anjuran Bahagian Sekolah Arab, JPI bagi mendukung inisiatif Rancangan Strategik KHEU 2020-2024.

TAMU BULANAN BANTU JANA EKONOMI



KETUA Biro Ekonomi Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Dahri bin Haji Muntol.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 3 September. - Pertubuhan WARGAMAS melalui Biro Ekonomi hari ini menganjurkan Tamu Bulanan yang diadakan di ibu pejabat persatuan tersebut di Jalan Utama Berakas, di sini.

Ketua Biro Ekonomi Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Dahri bin Haji Muntol berkata, Tamu Bulanan berkenaan mula diadakan pada tahun ini dan merupakan salah satu kegiatan yang dikendalikan oleh Biro Ekonomi.

"Tamu yang telah empat kali diadakan ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai yang mengunjungi tamu ini bagi membeli produk-produk dari para peniaga di sini.

«Selalunya, kami akan mengadakan tamu ini pada hari Sabtu.

"Walau bagaimanapun, memandangkan jadual kami agak



padat pada bulan ini kami hanya dapat mengadakan pada hari ini dan berharap ia akan tetap mendapat sambutan," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurut beliau, para peniaga di tamu tersebut terdiri daripada Ahli-ahli Persatuan WARGAMAS bersama keluarga masing-masing.

"Gerai-gerai di sini ada yang mengadakan livecook bagi hidangan seperti Ambuyat dan soto yang menjadi tarikan utama para pengunjung.

"Selain itu, ia juga menampilkan hidangan makanan tradisi serta produk-produk lain termasuk pakaian dan aksesori," jelasnya.

Antara tujuan utama tamu berkenaan diadakan, jelas beliau, adalah untuk menjana ekonomi ahli-ahli persatuan, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan persatuan dan orang ramai.

"Harapan kami ialah untuk menganjurkan Tamu Bulanan ini dengan lebih kerap iaitu sebanyak dua kali sebulan jika terus mendapat



ANTARA tujuan utama tamu berkenaan diadakan adalah untuk menjana ekonomi ahli-ahli persatuan, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan persatuan dan orang ramai (atas, kiri dan bawah kiri).

lebih luas dan mudah dikunjungi tamu ini bagi membantu orang ramai.

"Saya berharap akan lebih ramai orang yang akan mengunjungi katanya.

tamu ini bagi membantu memberikan sokongan terhadap Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS," katanya.



Pendaftaran penyertaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran dibukakan

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku Urus Setia Musabaqah akan mengadakan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah, bermula November 2024 yang dibuka kepada warganegara dan penduduk tetap sahaja.

Permohonan boleh dihadapkan secara dalam talian melalui pautan <https://tinyurl.com/borang1446H> dan media sosial Urus Setia, iaitu Telegram – PPPQ.MABIMS (official), Weblog - pppq-mabims.blogspot.com, Facebook – [pppq](https://www.facebook.com/PPPQ-MABIMS-102601111111111).

mabims (official), dan Instagram – PPPQ.MABIMS (official).

Permohonan bagi menyertai Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1446H dibuka mulai Isnin, 28 Safar 1446H bersamaan 2 September 2024M.

Tarikh tutup permohonan ialah pada Isnin, 26 Rabiulawal 1446H bersamaan 30 September 2024M.

Untuk keterangan lanjut, bolehlah hubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 2237512 atau melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) atau aplikasi WhatsApp menerusi talian +673 7204964.

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Daging Masak Rendang STKRJ Kampung Rimba

BAHAN-BAHAN :

- 2kg daging (rebus sehingga empuk)
- 2 sudu besar nasi rempah kari babas
- 3 sudu makan rempah rendang
- 2 biji bawang besar dikisar
- 5 biji bawang merah diblender halus
- 5 ulas bawang putih diblender halus
- 2 inci halia diblender halus
- 2 batang serai diblender halus

CARA MEMASAK :

Tuang minyak dalam kuali. Tumis rempah ratus (kayu manah, cengkeh, pulaga, buah karas, bunga lawang). Garam secukupnya. Cukup rasa secukupnya. Ajinamoto secukupnya. Sos cili satu botol kecil.

KEBAKARAN BANGUNAN, TIADA KECEDERAAN DILAPORKAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Pusat Gerakan 995 telah menerima panggilan kecemasan kebakaran bangunan. Pengerahan tiga buah jentera bomba segera dilaksanakan dari Balai Bomba Beribi, Balai Bomba Berakas dan Balai Bomba Rimba.

Setiba di tempat kejadian, didapati asap tebal dan api besar membakar sebahagian kedai empat unit di tingkat bawah bangunan diperbuat daripada konkrit jenis dua tingkat yang dijadikan tempat menjual barang-barang *hardware*. Penolong Pegawai Balai Azami

bin Haji Bungsu telah mengetuai operasi memadam kebakaran bersama 17 anggota bomba yang lain.

Anggota bomba segera bertindak memadam kebakaran dengan mengeluarkan tiga pasukan memakai alat pernafasan untuk masuk ke dalam bangunan dan memadam dengan menggunakan tiga jet hos dari sumber air, tangki jentera bomba Light Pumper 11 dan pili-pili bomba berdekatan yang disalurkan ke jentera Light Pumper 16 dan Water Ladder 31. Api dapat dikawal dalam masa lebih kurang 20 minit kemudian.

Punca api dipercayai daripada kepanasan yang berlebihan (*overheat*) Bateri Lithium-ion (Li-on) yang terkumpul di ruang membuat kunci. Kerugian akibat kebakaran masih dalam siasatan.

Tidak ada sebarang kecederaan dan korban jiwa berlaku sepanjang operasi berkenaan dijalankan.

Turut hadir semasa operasi, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'A' berserta pegawai-pegawai lain, Pasukan Unit Siasatan Kebakaran dan Ketua Pusat Gerakan 995.

Jabatan Bomba dan Penyelamat ingin menyarankan kepada orang awam untuk sentiasa berwaspada mengenai penggunaan peralatan elektrik yang berpatutan dan tidak mendatangkan bahaya serta mengetahui langkah-langkah keselamatan jika berlaku kebakaran. Sebarang kecemasan sila hubungi ke Talian 995.

SETIBA di tempat kejadian, didapati asap tebal dan api besar membakar sebahagian kedai empat unit di tingkat bawah bangunan diperbuat daripada konkrit jenis dua tingkat yang dijadikan tempat menjual barang-barang *hardware* (atas kiri dan kiri).





جایز سکای چو جا بروند دارالسلام
BDMD
 Brunei Darussalam Meteorological Department

**ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA
KENDERaan AWDA TERBASAS**

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat




جایز سکای چو جا بروند دارالسلام
BDMD
 Brunei Darussalam Meteorological Department

**ELAKKAN MEMANDU DI
LORONG KANAN**

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda





ALAI PINTAR

SOALAN 132

SOALAN 4 SEPTEMBER 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. $83,000 \div 10?$
 - a) 8,300
 - b) 8,000
 - c) 8,003
2. Apa yang dimaksudkan dengan "Banyak mulut"?
 - a) Orang yang banyak bercakap
 - b) Perasaan dendgi atau cemburu
 - c) Penghasut
3. Apakah deria yang terlibat untuk mengenal pasti bunyi sesuatu objek?
 - a) Pendengaran
 - b) Bau
 - c) Rasa

TARIKH TUTUP : 14 SEPTEMBER 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI BND40.00

PEMENANG ALAI PINTAR 131

Nama : Nurzahrah Rania binti Muhd. Azrin
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0113450-01. Sekolah : Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata, Gadong

Nama : Noor Khayra Musfirah binti Abdul Hanis
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0150248-01. Sekolah : Sekolah Learning Tree

Nama : Ak. Mohd Harraz Naufal bin Pg. Mohd. Hamdi
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01041646-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba III

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Negara Brunei Darussalam Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 131

1. B – Dollar
2. A – 451,460
3. B – 2,147

Siaran Akhbar dan Foto :
Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Financial Fun Fair Ke-5 anjuran Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., terus diadakan bagi hari kedua di Jerudong Park Colonnade, kelmarin.

Acara berkenaan turut disokong oleh rakan-rakan emas, termasuk Baiduri Bank, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), The Great Eastern Life Assurance Company Limited, MoneyMatch, National Digital Payments Network (ndpx), Progresif Sdn. Bhd., Standard Chartered Brunei, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn. Bhd. (IITFT) dan Takaful Brunei.

Berikutnya kejayaan dari hari pertama, acara berkenaan terus menarik perhatian orang ramai untuk ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang ditawarkan. Aktiviti-aktiviti mempromosi konsep-konsep penting berkaitan pengurusan kewangan seperti simpanan, takaful dan insurans, perancangan persaraan, dan perlindungan pengguna kewangan, semuanya dalam suasana yang meriah dan interaktif.

Turut serta di Fun Fair berkenaan ialah para peniaga yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman untuk orang ramai.

Acara berkenaan juga turut dimeriahkan lagi dengan

FINANCIAL FUN FAIR TARIK PENYERTAAN ORANG RAMAI



SESI bergambar ramai semasa Financial Fun Fair Ke-5 anjuran Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., di Jerudong Park Colonnade.

persempahan-persempahan oleh tatu pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Relentless Entertainment dan persempahan komedi. Acara kemuncak ialah Fun-ancial Race, dengan 15 pasukan bersaing untuk

menyelesaikan cabaran untuk memenangi hadiah wang tunai dalam pertandingan yang menguji minda dan kerjasama berpasukan.

Pasukan yang memenangi pertandingan berkenaan

menerima hadiah sebanyak BND1,000 dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Penolong Pengarah Urusan (Operasi Monetari), BDCB, Awang Mardini bin Haji Eddie.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif-inisiatif BDCB dalam mempromosi celik kewangan, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn dan ikuti BDCB di Instagram melalui akaun [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).



MINDA PEMBACA

Peka kepentingan lampu isyarat

PERANAN lampu isyarat di dalam mengawal dan mengurus pergerakan kenderaan adalah penting bagi mengekalkan keharmonian semasa memandu dan mengurangkan kes-kes kemalangan. Akan tetapi, kesilapan yang berpunca dari *human error* seperti melajukan kenderaan semasa lampu merah telah menyebabkan berlakunya kes-kes kemalangan yang tidak diingini sehingga ianya menyebabkan kihilangan nyawa.

Lampu isyarat direka cipta untuk beroperasi 24 jam terutama sekali pada waktu malam agar ianya memberikan amaran kepada pemandu untuk sentiasa peka dengan keadaan sekeliling terutama sekali apabila berada di

kawasan yang sensitif seperti kawasan kediaman kerabat-kerabat diraja, bangunan kementerian-kementerian dan kawasan yang mudah banjir ketika musim tengkujuh. Dengan adanya lampu isyarat ini, ia akan memudahkan para pemandu untuk mengenal bahaya yang bakal terjadi jika lampu isyarat tidak dipatuhi seperti bahaya kepada alam sekeliling dan juga pembayaran denda kesalahan lalu lintas yang akan dikenakan jika tidak menuruti lampu isyarat yang telah ditetapkan.

Tiang-tiang lampu isyarat disimpan di tempat yang strategik terutama sekali di kawasan yang dinilai sebagai kawasan yang mudah berlakunya

kemalangan kenderaan dan juga kawasan yang dapat memberikan ancaman kepada nyawa apabila berlakunya hujan yang lebat atau tempat laluan anak-anak sekolah. Dengan terdirinya lampu isyarat tersebut, ia akan meningkatkan kesedaran para pemandu mengenai dengan bahaya yang akan bakal berlaku. Kawasan yang didirikan tiang lampu isyarat bukan sahaja tertumpu kepada kawasan *highway* tapi ia juga telah didirikan di kawasan seksyen Pusing Keliling bagi mengurangkan kecuania para pemandu yang hendak mengambil kesempatan dan meningkatkan budaya *ubaya-ubaya* semasa memandu.

Oleh kerana itu, kepekaan dengan

lampu isyarat adalah penting bagi mengurangkan kemalangan jalan raya, mengelakkan bahaya semasa memandu dan juga untuk memupuk budaya *ubaya-ubaya* dan berdisiplin ketika memandu. Amalan yang tidak baik semasa memandu seperti mengambil kesempatan semasa lampu isyarat berwarna merah akan memberikan kesan kepada generasi-generasi yang akan datang kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya, amalan yang baik akan menjadi ristaan di sepanjang zaman.

Nama : Muhammad Fadhillah Harun
bin Haji Asmat
No. K/P : 00-320XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Awasi Pergaulan Anak-anak'. Tarikh Tutup : 4 September 2024
2. 'Tingkat Kesedaran Mengenai Kanser Serviks'. Tarikh Tutup : 11 September 2024
3. 'Memperluas Rangkaian Industri Halal'. Tarikh Tutup : 18 September 2024

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Pastikan makanan selamat, elakkan keracunan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

KITA sering kali disajikan dengan berita-berita mengenai keracunan makanan terutama sekali pada kanak-kanak. Perkara seperti ini boleh dihindari jika ada kesedaran mengenai kebersihan makanan yang perlu dititikberatkan terutama sekali apabila memberi makanan kepada kanak-kanak. Pencemaran makanan boleh mengakibatkan penyakit bawaan makanan, keracunan makanan dan isu kesihatan jangka panjang lain. Beberapa risiko umum mungkin dihadapi termasuk pencemaran bakteria seperti salmonella, e-coli dan pencemaran fizikal daripada produk serta perkakas kaca dan logam. Kejadian seperti ini boleh terus berlaku jika tidak dibendung. Kebanyakan kes sepatutnya boleh dielak jika langkah berjaga-jaga diambil semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan makanan.

Menjaga kebersihan, keselamatan makanan

Kita perlu mengikuti prosedur pengendalian makanan dengan betul seperti mencuci tangan sebelum dan selepas mengendalikan makanan, mengasingkan makanan mentah dan masak serta menggunakan papan pemotong berasingan untuk jenis makanan berbeza.

Satu perkara lagi yang kurang diambil perhatian ialah menyemak tarikh luput pada produk makanan sebelum membeli atau memakannya. Jika didapati mele过si tarikh luput, kes sebegini perlu dilaporkan kepada pihak pengurusan kedai dengan segera. Dengan sentiasa proaktif, mengamalkan tabiat keselamatan makanan baik dan sentiasa dimaklumkan terhadap amalan keselamatan makanan, kita boleh mengurangkan risiko berkaitan makanan tercemar dan melindungi diri serta

keluarga kita daripada potensi bahaya kesihatan.

Oleh itu, pengguna dinasihatkan supaya sentiasa mengamalkan sikap 'lihat dan pilih' apabila hendak membeli makanan sedia dimakan mahupun bahan mentah. Pastikan dalam membeli makanan, utamakan produk yang mempunyai logo keselamatan. Bagi mereka yang ingin makan di restoran mahupun gerai makanan pula, pilih restoran atau gerai makanan yang mempunyai logo kebersihan dan bagi pelanggan Muslim setentunya memilih restoran yang bersih dan mempunyai tanda halal.

Pada masa yang sama, masyarakat juga disarankan untuk mengamalkan langkah lihat, hidu dan rasa sebelum menikmati juadah yang dihidangkan. Lihat bagi memastikan keadaan fizikal makanan tiada ulat atau rambut dan tidak berlendir, berbuuh atau berkulat. Hidu untuk memastikan makanan tidak berbau masam, basi atau busuk, dan lebih baik jika awda rasa sedikit terlebih dahulu makanan sebelum makan bagi memastikan ia tidak masam atau basi.

Tindakan yang diambil

Kementerian Kesihatan mempunyai Perintah Akta Keselamatan Makanan serta mempunyai satu unit dalam memantau perkara tersebut yang mana Enforcement Unit ini giat melaksanakan dan menjalankan pemantauan di premis restoran, gerai-gerai makanan dan sebagainya. Apa yang mustahak sekali lagi ialah kefahaman orang ramai dan orang yang berjaya tersebut.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga ada melaksanakan pemantauan dalam beberapa peringkat termasuk kepada mereka yang hendak membuka restoran, berjaya atau yang akan bekerja di restoran, mereka akan menjalani pemeriksaan kesihatan dan diberikan bengkel mengenai food handling dan para pengendali makanan

diberikan pembarigaan mengenai cara-cara kebersihan.

Pemeriksa kesihatan perlu lebih proaktif dan responsif, terutama di sekolah dengan mengadakan pemeriksaan lebih kerap di kantin bagi memastikan pematuhan peraturan penyediaan makanan. Ini adalah untuk memastikan kanak-kanak tidak akan termakan makanan yang sudah basi atau tidak selamat untuk dimakan. Pelbagai inisiatif dalam mendidik masyarakat untuk membudayakan keselamatan makanan dalam kesihatan sehari-hari sebagai usaha bagi mengurangkan risiko keracunan dan pencemaran makanan.

Sesetengah peruncit dan kedai makanan mengambil jalan pintas hingga mengabaikan peraturan keselamatan yang kemudiannya mengakibatkan pelanggan sakit atau lebih teruk lagi. Justeru kita perlu mengambil langkah berjaga-jaga apabila melihat kurangnya tanda-tanda kebersihan yang diperlakukan di kedai makan atau restoran yang dikunjungi.

Pembekal dipercayai

Seharusnya hasil barangan segar dan produk daging hanya diperoleh daripada pembekal dipercayai untuk mengurangkan risiko pencemaran.

Makanan pula perlu disejukkan dengan betul pada suhu selamat dan barang kering disimpan dalam bekas bertutup untuk mengelak anai-anai mahupun haiwan perosak lain. Sudah semestinya daging, ayam, itik, makanan laut dan telur harus dimasak dengan sempurna serta dihidangkan panas untuk meminimumkan risiko penyakit bawaan makanan.

Makanan yang tercemar

Pada keadaan cuaca semasa yang melanda negara, makanan akan menjadi cepat basi kerana pertumbuhan bakteria

yang tinggi dan cepat apabila suhu panas. Justeru, kita perlu berwas-was apabila menyimpan makanan kerana makanan akan cepat rosak.

Kita perlu lebih peka apabila berkaitan dengan makanan. Bagi menghindari perkara-perkara yang tidak diingini, kita disarankan untuk mengamalkan tips keselamatan makanan di rumah, iaitu amalkan kebersihan diri dan cuci tangan sebelum mengendalikan makanan; pilih bahan mentah yang segar; cuci bahan mentah dengan bersih; masak makanan dengan sempurna; guna peralatan yang bersih; tutup makanan dengan sempurna dengan tudung saji; elak memanaskan makanan berulang-ulang; jangan simpan makanan dalam peti sejuk lebih daripada tiga hari dan buang segera sisa makanan.

Kesimpulan

Kepada orang awam, kita perlu sentiasa mengutamakan amalan kebersihan dan keselamatan makanan semasa menyediakan juadah bagi mengelakkan keracunan makanan di mana jua kita berada, termasuk semasa berkelaah dan berkumpul dengan sanak saudara.

Bahan mentah yang digunakan perlu dalam keadaan segar dan dimasak dengan sempurna dan makan makanan dalam tempoh empat jam dari masa penyediaannya. Makanan yang hendak disimpan hendaklah diletakkan pada suhu yang selamat. Ia hendaklah dipanaskan pada suhu dan jangka masa yang betul sebelum dimakan.

Kita juga perlu sentiasa mengamalkan amalan mencuci tangan dengan betul, bukan sahaja bagi mengelakkan keracunan makanan tetapi juga dapat mencegah penyakit berjangkit yang merebak melalui sentuhan dan cecair pernafasan.

Ingatlah, kesihatan adalah harta yang sangat berharga maka jagalah kesihatan kita dengan sebaik mungkin.



PENGANUGERAHAN BIASISWA PENCETUS SEMANGAT KEJAYAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



DAYANG Nur Hidayah Haziyah binti Handrie.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. – Para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bertekad untuk menyempurnakan pengajian mereka sehingga berjaya dan seterusnya menyumbang semula khidmat mereka kepada negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Penganugerahan biasiswa berkenaan juga adalah satu anugerah yang tidak ternilai bagi mereka dan menjadi pencetus semangat untuk mereka melakukan yang terbaik dalam pengajian mereka.

Lepasan penuntut Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), Dayang Nur Hidayah Haziyah binti Handrie, yang akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Environmental Geoscience di University College London (UCL), United Kingdom (UK) menzhirkir rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

AWANG Muhammad Afiq bin Abdul Rahman dan Awangku Mohammad Idris Fadhee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim (kanan dan kanan sekali).

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pihak YSHHB atas penganugerahan biasiswa berkenaan.

"Saya sangat bersyukur atas penganugerahan biasiswa ini kerana ia bukannya sesuatu yang mudah untuk diperoleh dan ia memerlukan kerja keras. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada guru-guru sekolah saya di JIS dan juga bekas guru-guru yang pernah mengajar dahulu dan juga kedua-dua ibu bapa saya," ujarnya.

Beliau turut mengongsikan program di UCL meliputi pelbagai aspek dasar dan pengurusan alam sekitar di mana segala ilmu pengetahuan yang akan diperoleh nanti akan membantu beliau menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 khususnya untuk mencapai kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi.

Manakala Awang Muhammad Asfa Radhi bin Mohammad Yusran pula merupakan lepasan penuntut Pusat Tingkatan Enam Tutong dan akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Engineering (Honours) (Chemical Engineering) di University of New South Wales Sydney, Australia.

"Alhamdulillah, saya

menjunjung kasih atas penganugerahan ini dan saya berazam untuk belajar bersungguh-sungguh untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara," jelasnya.

Menyentuh mengenai jurusan yang dipilih, beliau menjelaskan bahawa salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 adalah untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dan untuk itu beliau berhasrat untuk tidak hanya bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas sahaja tetapi sumber tenaga alternatif seperti solar.

Salah seorang lagi penerima, Awang Muhammad Nafeez bin Haji Arbaie, lepasan penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Data Science and Decisions di University of New South Wales Sydney, Australia, menzhirkir perasaan gembira dan berbesar hati dengan penganugerahan biasiswa yang sangat berprestij ini.

Mengongsikan mengenai jurusan yang diambil, Awang Muhammad Nafeez menjelaskan bahawa Data Science adalah proses menganalisis, mengumpulkan dan memproses data untuk mendapatkan hasil daripada data tersebut.

"Bagaimana Data Science boleh membantu dalam pembangunan



AWANG Muhammad Asfa Radhi bin Mohammad Yusran dan Awang Muhammad Nafeez bin Haji Arbaie (kiri dan kanan).

Negara Brunei Darussalam nanti adalah dengan menganalisis kemahiran pekerjaan semasa dan permintaan kemahiran. Ia boleh membantu menyesuaikan kurikulum pendidikan untuk memastikan bahawa pelajar dan graduan mempunyai kemahiran dan kualiti yang diperlukan supaya mereka boleh berjaya dalam tenaga kerja mereka," ujarnya.

Impian untuk menjadi seorang penyelidik ataupun pensyarah pula dikongsikan oleh Awang Muhammad Afiq bin Abdul Rahman, lepasan penuntut JIS yang akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Mathematics di UCL, UK.

Menurutnya, beliau berhasrat untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana dalam jurusan yang sama satu hari nanti dan setelah selesai pengajian, beliau ingin berkhidmat sebagai seorang penyelidik ataupun pensyarah di mana-mana institusi pengajian tempatan di negara ini.

Menyentuh mengenai jurusan yang dipilih, beliau menyatakan bahawa Matematik dilihat sebagai satu subjek yang sukar dalam kalangan pelajar, oleh itu beliau berazam untuk menjadikan subjek ini lebih seronok dan mudah untuk difahami.

Rasa syukur dan gembira turut dizahirkan oleh Awangku

Mohammad Idris Fadhee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim, lepasan penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah yang akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Syariah Islamiyyah di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

"Saya ingin mengucapkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pihak YSHHB kerana memberi peluang kepada saya menjadi pemegang biasiswa ini. Perasaan saya sangat bersyukur dan gembira dan insyaaAllah saya akan menggunakan peluang keemasan ini bagi meraih kejayaan dalam bidang yang saya ceburi sekali gus dapat membantu merealisasikan dan menjayakan Wawasan Brunei 2035 nanti," jelasnya.

Beliau turut mendoakan agar semua penerima biasiswa akan mendapat kejayaan dalam bidang masing-masing dan beliau berharap agar dapat memberi khidmat bakti untuk agama, negara dan bangsa dengan ilmu pengetahuan yang akan diperoleh di Mesir nanti.

pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk jangan sekali-kali menghantar wang atau mengongsikan butiran peribadi atau perbankan dengan sesiapa yang awda tidak kenali atau percaya.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.



Waspadai kutipan derma menggunakan nama BDCB

Siaran Akbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengambil perhatian mengenai kutipan derma bagi Tabung Kemanusiaan Gaza (Palestin), yang keronnya diluluskan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam, iaitu nama dahulu BDCB.

BDCB ingin menegaskan bahawa sesiapa yang

menggunakan nama atau logo BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, reka bentuk atau lambang BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, reka bentuk atau lambang BDCB untuk memperdaya dan menipu atau menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya / menipu atau

menyebabkan kekeliruan merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah BDCB, 2010.

Jika disabit kesalahan, hukuman denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun atau dua-duanya sekali boleh dijatuhkan. BDCB juga tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap pelaku.

Jika terdapat sebarang keraguan mengenai

perkara berkenaan, orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi BDCB untuk pengesahan melalui talian +673 8318388 atau e-mel info@bdcb.gov.bn.

BDCB dengan ini ingin menasihatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan melindungi diri daripada kemungkinan penipuan derma dengan sentiasa mengesahkan kutipan derma dan pengendalinya

SEBUAH RUMAH TERLIBAT DALAM KEBAKARAN



PASUKAN bomba segera bertindak dengan memakai alat pernafasan dan memadam bara-bara api menggunakan satu jet hos air dan menggunakan siling hook untuk memecah sinta rumah (kiri dan kanan).


Berasak.

Apabila sampai di tempat panggilan, api besar didapati telah pun padam sebelum jentera bomba sampai. Penyiasatan dilanjutkan didapati kabakaran di bilik tidur dan melibatkan sinta yang mendapat kerosakan akibat terkena bahang di tingkat satu rumah.

Pemangku Timbalan Pegawai Balai, Jasme bin Othman mengetuai operasi memadam kebakaran bersama 15 anggota bomba yang lain.

Pasukan bomba segera bertindak dengan memakai alat pernafasan dan memadam bara-bara api menggunakan satu jet hos air dan menggunakan siling hook untuk memecah sinta rumah. Bantuan tenaga dari jentera Light Pumper 16 yang diketuai oleh Pegawai Balai Firdaus bersama seramai sembilan anggota bomba.

Punca api dipercayai daripada kepanasan yang berlebihan (*overheat*) di bahagian kipas siling



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

(ceiling fan) yang sentiasa dalam keadaan *switch on*. Kerugian akibat kebakaran masih dalam siasatan. Tidak ada sebarang kecederaan dan korban jiwa dilaporkan.

Turut hadir semasa operasi, Stesen Komander Balai Bomba Berakas dan Pasukan Unit Siasatan Kebakaran. Sebarang kecemasan sila hubungi ke Talian 995.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 September. - Pusat Gerakan 995 telah menerima panggilan kecemasan kebakaran

rumah. Pengerahan dua buah jentera bomba segera dilaksanakan dari Balai Bomba Lambak Kanan dan Balai Bomba

Lelaki warga asing didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 September. - Majistret Nur Eleana binti DSP Haji Hairul Arni menjatuhkan hukuman denda BND3,000 atau tiga bulan penjara jika gagal membayar denda dan empat bulan hukuman penjara dengan sebatan ke atas seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 39 tahun kerana gagal mematuhi peraturan kastam dan menyebabkan kerosakan harta benda di Pos Kawalan Kuala Lurah.

Defendant, Norazman bin Sahat mengaku bersalah atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 143 Perintah Kastam 2006 dan Seksyen 427 Perintah Kanun

Mahkamah mendengar bahawa

Hukuman Jenayah.

Mengikut pertuduhan pertama pada 29 Ogos, jam 7.05 malam defendant yang memandu keretanya gagal mematuhi arahan pegawai kastam untuk memberhentikan kenderaan itu untuk pemeriksaan di bahagian dalam Pos Kawalan Kuala Lurah.

Perbuatan ini merupakan satu kesalahan di bawah Pertuduhan kedua iaitu berkaitan dengan khianat kerana defendant dengan sengaja memandu melalui penghadang pintu automatik pos kawalan, menyebabkan kerosakan dianggarkan BND500. Kejadian itu berlaku sejurus selepas dia tidak mengendahkan arahan pegawai kastam.

Mahkamah mendengar bahawa

pada petang kesalahan itu, pegawai kastam yang bertugas mengarahkan defendant berhenti untuk pemeriksaan kerana dia memasuki Negara Brunei Darussalam dari Limbang, Sarawak.

Bagaimanapun, defendant tidak mengendahkan arahan itu dan terus memandu melalui penghadang pintu automatik sehingga melakukan kerosakan.

Siasatan seterusnya mendapati defendant cuba mengelak daripada diperiksa kerana mengangkut 50 kilogram (kg) rambutan dan 20kg langsat tanpa permit atau pengisytiharan yang diperlukan.

Defendant mengakui bahawa ini adalah percubaan kedua beliau untuk menyeludup buah-buahan



ke di negara ini tanpa dokumentasi yang betul.

Defendant ditahan di Pos Kawalan Ujung Jalan di Daerah Temburong. Semasa disoal siasat, dia mengakui kesalahannya menjelaskan bahawa dia takut pemeriksaan kastam kerana dia tidak mempunyai permit yang diperlukan daripada pihak kastam

dan Jabatan Pertanian untuk membawa buah-buahan itu ke NBD.

Menurut mahkamah, defendant tidak pernah disabitkan kesalahan sebelum ini tetapi menekankan kesalahan itu terutamanya kerosakan harta awam dan percubaan sengaja untuk mengelak daripada peraturan kastam.

Serangan seksual : Seorang lelaki dihukum penjara, sebat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 September. - Mahkamah tidak akan bertolak ansur dengan sebarang penderaan seksual terutamanya apabila ia melibatkan seorang kanak-kanak di bawah umur.

Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar menekankan sebelum menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan enam bulan serta empat kali sebatan terhadap Hiswandi bin A. Haji Asbi selepas mengaku bersalah melakukan amang seksual terhadap cucu saudara.

Defendant berusia 42 tahun yang berhadapan dua pertuduhan sebelum itu mengekalkan pengakuan bersalah selepas

pertuduhan dibacakan, hari ini.

Mengikut pertuduhan pertama, defendant didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa berusia 13 tahun pada 11 Julai 2024 waktu malam di rumah Kampung Sungai Matan.

Bagi pertuduhan kedua, defendant didakwa mengulangi perkara yang sama terhadap mangsa pada 8 Ogos 2024 pada waktu malam di rumah yang sama dan telah menggunakan kekerasan jenayah terhadap mangsa.

Kedua-dua pertuduhan itu, defendant didakwa mengikut Seksyen 354B Kanun Jenayah Penggal 22.

Berdasarkan fakta kes terhadap kedua-dua pertuduhan kejadian pertama berlaku ketika

defendant mengarahkan mangsa datang bersendirian, defendant mengarahkan mangsa menunggu di luar pintu apabila dia tiba di rumah defendant.

Defendant mengaku kemudian menarik mangsa masuk ke dalam rumah, memeluknya dari belakang dan melakukan perbuatan tidak senonoh.

Defendant mengakui bahawa mangsa cuba melepaskan diri namun dia tidak dapat melepaskan dirinya daripada pelukan defendant.

Defendant mengaku meminta mangsa masuk ke dapur. Dia mengarahkannya untuk duduk di atas kerusi tidak jauh dari tempat defendant duduk. Apabila mangsa enggan, defendant melakukan kekerasan dan menarik lengan kiri

mangsa secara paksa ke arahnya.

Defendant mengakui bahawa dia mengarahkan mangsa supaya tidak memberitahu seseapa dan memberinya BND10 beberapa hari selepas kejadian itu.

Pada 11 Ogos 2024, apabila mangsa pulang ke rumah ibunya, mangsa memberitahu ibunya apa yang defendant lakukan terhadapnya.

Ibu mangsa telah membuat laporan polis pada 12 Ogos 2024, kira-kira jam 2.23 pagi, di Balai Polis Bandar Seri Begawan. Defendant telah ditahan dan semasa siasatan polis, mangsa mengaku melakukan perbuatan mencabul kehormatan mangsa ketika berada di rumahnya.

Tindakan defendant adalah amat tidak wajar. Hukuman berat harus

dikenakan ke atas pemangsa seksual seperti defendant untuk melindungi mangsa yang terdedah seperti mangsa.

Seseorang boleh membayangkan bahawa ia mesti menjadi pengalaman trauma untuk seorang gadis berusia 13 tahun. Defendant juga merasau mangsa BND10 untuk dia tidak memberitahu seseapa tentang kejadian itu.

Dalam rekod, defendant tidak mempunyai sabitan jenayah sebelum ini.

Mahkamah memerintahkan supaya hukuman itu berjalan dari tarikh defendant direman.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Hidayatul Aeny Alisah binti Haji Zulizam.



ePaper Pelita Brunei



LEBIH 200 SERTAI JOGATON ANJURAN PERBADANAN TAIB



■ Siaran Akhbar dan Foto : Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Dalam usaha untuk mempromosikan kesihatan, kecerdasan dan semangat kemasyarakatan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) menganjurkan Jogaton di laluan Bandarku Ceria, baru-

baru ini.

Seramai lebih daripada 200 kakitangan ikut serta dalam acara ini bagi menyokong Kempen BN on the Move di peringkat kebangsaan, kelolaan Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Jogaton ialah Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim.

Antara aktiviti diadakan sepanjang hari adalah Larian Riadah 2 kilometer (km), Larian Kompetitif Lelaki 7.5km dan Larian Kompetitif Wanita 4.7km.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Urusan IITHSB, Awang Haji Mohd Yusreza bin Haji Mohd Yussin dan Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed serta pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dan orang ramai.

PENGARAH Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada perasmian Jogaton (atas kiri dan kiri).

175 pemain badminton wanita sertai Kejohanan Super Smasher WIB

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) dengan kerjasama Super Smasher buat julung kalinya menganjurkan Kejohanan Badminton khusus untuk beregu wanita, iaitu Kejohanan Super Smasher Women in Badminton (WIB) bermula hari ini hingga 7 September 2024.

Seramai 175 pemain wanita tempatan dan luar negara menyertai kejohanan berkenaan yang dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Advance, Intermediate dan Novice.

Dari padanya kategori-kategori berkenaan, Novice menerima penyertaan terbanyak, iaitu lebih 60 peratus daripada jumlah keseluruhan pendaftaran.

Kategori Novice dibukakan kepada pemain wanita yang belum pernah menyertai manapun pertandingan atau kejohanan terbuka individu atau berkumpulan dan merupakan kategori untuk memperkenalkan suasana

pertandingan yang kompetitif.

Ini menunjukkan semakin ramai pemain badminton wanita mula berani menyahut cabaran untuk menimba pengalaman dan mendedahkan bakat dalam sukan badminton, selain untuk membina keyakinan diri dengan menggalakkan penglibatan mereka dalam sukan.

Perlawanan akan bermula jam 7.00 malam di Dewan The Centrepoin Hotel, Gadong dan ia terbuka untuk orang ramai.

Super Smasher merupakan pengajian sukan badminton yang ditubuhkan sejak 2022. Dengan semangat kesatuan dan kecemerlangan, Super Smasher berharap kejohanan berkenaan dapat memberi inspirasi kepada setiap wanita di gelanggang untuk melebihi batasan diri, memberi inspirasi di antara satu dengan yang lain dan memperlihatkan kekuatan, kemahiran serta semangat yang mendefinisikan perjalanan wanita dalam ikatan silaturahim dan keyakinan teguh bahawa melalui badminton,



ANTARA pemain yang menyertai Kejohanan Super Smasher Women in Badminton.

wanita dapat mengangkat antara satu sama lain dan terus memecahkan halangan dalam sukan dan kehidupan.

Maklumat terkini mengenai Kejohanan Badminton WIB boleh didapati dengan melayari Instagram @supersmasher.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERUS ISTIQAMAH DI JALAN YANG BENAR